

Selatan Thailand Boleh Dibangunkan Dan Menjadi Makmur, Kata Tun Abdullah Bernama
13 September, 2012
Oleh Jamaluddin Muhammad

BANGKOK, 13 Sept (Bernama) -- Pembangunan baharu dan kemakmuran boleh muncul di wilayah bergolak di selatan Thailand jika keperluan penduduk di kawasan itu ditangani, kata bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata pada hari ini, majoriti umat Islam di wilayah itu mahukan pembangunan.

"Mereka ingin melihat peluang diwujudkan bagi pendidikan berkualiti, pekerjaan dan pembangunan modal insan.

"Sebagai warganegara Thailand, mereka juga mahu diiktiraf dan dihormati, dan berpeluang mengambil bahagian dalam pembangunan ekonomi dan kemajuan di wilayah mereka," katanya ketika berucap pada Seminar Bersama Rangkaian Kumpulan Pemikir dan Cendekiawan Thailand-Malaysia yang julung kali diadakan di sini.

Beliau berkata Malaysia sentiasa bersedia dan komited untuk membantu melalui cara yang praktikal dan konstruktif ketika kerajaan Thai menjalankan usaha untuk menyelesaikan masalah di selatan negara itu.

"Izinkan saya untuk menyatakan, sekiranya, melalui daya usaha dan ikhtiar bersama, wilayah selatan boleh berubah wajah menjadi sebuah wilayah makmur serta aman damai, saya percaya ini akan menjadi contoh terbaik bagi komuniti antarabangsa berhubung penyelesaian yang aman kepada masalah yang telah lama berlarutan," katanya.

Menyentuh tentang hubungan Thailand-Malaysia yang lebih meluas, Abdullah berkata kedua-dua negara juga perlu memperluaskan asas bagi kerjasama yang akrab, terutamanya dalam lingkungan sosial, pendidikan dan kebudayaan, memberi penekanan kepada hubungan rakyat dan rakyat sambil terus merapatkan hubungan ekonomi dan perniagaan.

Beliau berkata kedua-dua negara perlu mewujudkan peluang pendidikan berkualiti bagi golongan muda, membangunkan modal insan dan menyediakan peluang pekerjaan bagi menangani isu kemiskinan, pengangguran dan pembangunan.

"Ini boleh dilakukan menerusi pertukaran cendekiawan antara negara dan menggalakkan mobiliti pelajar dengan pelajar universiti mengikuti sekurang-kurangnya satu semester pengajian di sebuah universiti di negara jiran," katanya.

Malaysia dan Thailand, katanya perlu terus meningkatkan hubungan menerusi penyelidikan teliti yang membawa kepada pemahaman yang lebih baik dan memperoleh hasil bagi manfaat bersama.

Pembangunan di peringkat makro dan mikro sungguhpun saling berhubung boleh memberi kesan bukan hanya kepada sebuah negara sahaja tetapi juga negara jirannya, katanya.

Bekas perdana menteri berkata mereka perlu mengakui potensi dan kekangan yang ada serta berusaha ke arah memperluaskan dan memperdalamkan dialog.

Seminar itu dianjurkan bersama oleh Direk Jayanama Center, Fakulti Sains Politik Thammasat University, Kementerian Hal Ehwal Luar Thailand, Dana Penyelidikan Thailand dan Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa Malaysia.

Cendekiawan Malaysia dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya dan Universiti Utara Malaysia membentangkan kertas kerja pada seminar sehari itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=694485>